

CNS0372

R GB 21-10 00210 BA600

bah

Mahathir

KOMANWEL BOLEH DESAK KUASA DUNIA SELESAIKAN ISU BOSNIA, KATA DR M

Daripada Kuah Guan Oo

(EMBARGO: Untuk Siaran selepas 4.30 petang ini)

I

NICOSIA (CYPRUS), Okt 21 (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata anggota-anggota Komanwel boleh bergabung tenaga untuk mengenakan tekanan terhadap kuasa-kuasa dunia yang menentukan penyelesaian masalah Bosnia, sebagaimana yang dilakukan untuk meruntuhkan tembok Aparteid di Afrika Selatan.

Perdana Menteri berkata, Komanwel telah menerusi usaha bersama menyelesaikan masalah politik yang paling sukar -- aparteid -- dan ini memberi pengajaran yang perlu diteladani.

"Pemimpin-pemimpin dunia, dalam usaha mencari penyelesaian di Bosnia-Herzegovina, boleh menggunakan pengalaman Komanwel di Afrika Selatan," katanya pada majlis perasmian persidangan kemuncak Komanwel selama lima hari di sini.

Perdana Menteri merupakan tokoh kedua daripada lima pemimpin yang berucap selepas ucapan utama Presiden Cyprus, Glafkos Clerides, yang akan menjadi pengerusi persidangan kemuncak itu.

Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe yang akan menamatkan perkhidmatannya sebagai pengerusi, merupakan tokoh pertama yang berucap selepas ucapan utama itu manakala tokoh lain yang akan berbuat demikian ialah Perdana Menteri Dominica, Dame Eugenia Charles, Perdana Menteri Jamaica, P.J. Patterson, Perdana Menteri Australia, Paul Keating dan Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku. -- Lagi

▼21/10/13-33MST

CNS0373

R GB 21-10 00210 BA601

bah

Mahathir 2 Nicosia (Embargo)

Persidangan kemuncak itu dihadiri oleh 37 ketua kerajaan dari 48 negara anggota Komanwel yang berkelayakan untuk menyertai persidangan dua tahun sekali itu.

Dr Mahathir berkata: "Kita di Komanwel perlu membantu mencari penyelesaian yang adil dan saksama kepada masalah kebinasaan (Bosnia) ini jika kita mahu dihormati dan mempertahankan prinsip yang telah kita persetujui di Harare."

Prinsip yang dipersetujui oleh Komanwel pada persidangan kemuncaknya di Harare pada 1991 ialah perlindungan dan penggalakan demokrasi, dan perlindungan dan penggalakan hak asasi manusia.

"Sesetengah daripada kita malah sanggup menyatakan bahawa apabila berlaku pencabulan hak asasi, kita berhak untuk campur tangan walaupun dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara.

"Tetapi di Bosnia-Herzegovina, tempat berlakunya penghapusan etnik membabitkan pembunuhan dan rogol terhadap masyarakat Islam Bosnia oleh puak Serbia yang disokong oleh kerajaan Serbia daripada saki-baki Yugoslavia, keadilan yang ditunjukkan oleh sesetengah daripada kita terhadap masalah hak asasi yang kecil, langsung tidak ada lagi.

"Sebaliknya, puak Serbia akan dianugerahkan dengan kawasan-kawasan yang sudah dijalankan penghapusan etnik itu. Bolehkah kita di Komanwel, yang merayu kerjasama luar untuk membantu rakan-rakan kita yang memerlukan, tidak mempedulikan tragedi Bosnia dan memilih untuk berdiam diri hanya kerana ini bukan hal ehwal Komanwel?" katanya. -- Lagi.

▼21/10/13-34MST

bah

Mahathir 3 Nicosia (Embargo)

Sambil menyatakan bahawa pendirian Malaysia mengenai Bosnia telah diketahui umum, Dr Mahathir berkata banyak yang mungkin memikirkan bahawa Malaysia dipengaruhi oleh persamaan agama (dengan Bosnia).

"Saya ingin tegaskan di sini bahawa Malaysia telah juga memainkan peranan yang sama aktif dan sama hebatnya di Afrika Selatan, Namibia, Kemboja dan masyarakat bukan Islam lain yang menghadapi masalah serupa.

"Kita turut merasakan apabila ketidakadilan dan penindasan dilakukan di mana sahaja," katanya.

Perdana Menteri berkata perbuatan menyembelih orang yang tidak bersalah di Bosnia, seperti yang disiarkan oleh televisyen, akan menimbulkan rasa mual kepada sesiapa sahaja.

"Dan semuanya untuk apa? Hanya untuk pembesaran wilayah! Hanya untuk kemegahan etnik! Hanya untuk mimpi puak Serbia! Cukuplah..." katanya.

Mengenai perkembangan Komanwel selepas Harare, Dr Mahathir berkata ia bergerak maju dalam beberapa bidang kerjasama. -- Lagi

▼21/10/14-09MST

CNS0468

R GB 21-10 00170 BA606

bah

Mahathir 4 Nicosia (Embargo)

Dalam kerjasama politik, kejayaan terbesar pertubuhan itu ialah di Afrika Selatan. Parlimen negara itu baru-baru ini meluluskan satu rang undang-undang mengenai penubuhan Majlis Eksekutif Peralihan.

"Kita menyambut baik perkara ini sebagai satu langkah yang dapat mendekatkan lagi Afrika Selatan dengan matlamat Komanwel mewujudkan negara yang bebas, tanpa perkauman dan sejahtera," katanya.

Beliau yakin anggota-anggota Komanwel bersedia membantu negara itu dipulihkan daripada kesan-kesan sekatan.

Perdana Menteri juga berkata sambil Malaysia bergembira dengan termeterainya perjanjian damai antara Israel dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) baru-baru ini, ia turut berasa sedih dengan perkembangan konflik di Somalia, Georgia dan negara lain di dunia.

Sambil menyambut baik kejayaan negara-negara baru muncul sebagai kuasa penting ekonomi, beliau berkata Malaysia bimbang dengan pertumbuhan perlindungan menerusi kemunculan blok perdagangan.

"Kita terus berharap, seperti yang kita harapkan sejak sekian lama, bahawa Rundingan Uruguay yang mengadakan perundingan perdagangan, yang mengawasi perdagangan bebas, akan mencapai keputusan menjelang akhir tahun ini," katanya. -- Lagi

▼21/10/15-16MST

CNS0478

R GB 21-10 00105 BA607

bah

Mahathir 5 (Akhir) Nicosia (Embargo)

Dr Mahathir juga berkata memandangkan keanggotaan Komanwel merentangi batas Utara-Selatan, beliau berharap mereka dapat mencari satu pendirian bersama mengenai isu-isu ini semasa sesi kerja persidangan kemuncak itu.

Mengimbas kembali kenyataannya pada persidangan kemuncak terdahulu bahawa tiada "kekayaan" (wealth) bersama dalam Komanwel, Perdana Menteri berkata beliau ingin melanjutkan kenyataannya itu dengan berkata mereka boleh, jika mereka mahu, melahirkan "kekayaan" bersama daripada Komanwel.

"Dan 'kekayaan' bersama ini tidak perlu terhad kepada kekayaan kebendaan sahaja. Ia patut mengatasi batas kebendaan dengan memasukkan keharmonian kaum dan teloransi agama." -- Bernama

KGO NAK

▼21/10/15-22MST